TARIKH : 2/6/23
SURAT KHABAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 6






*Sivakumar bersama Kon Yeow melawat pameran selepas merasmikan NHCCE 2023 Wilayah Utara di Pusat Konvensyen Setia SPICE di Bayan Lepas, semalam.* (Foto Danial Saad/BH)

# Kerajaan prihatin isu elaun pelatih industri

## Akta Kerja 1955 akan disemak semula lindungi hak pelajar

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

**Bayan Lepas:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedia meneliti cadangan supaya Akta Kerja 1955 disemak semula bagi menangani isu berkaitan elaun pelatih industri.

Menterinya, V Sivakumar, berkata ia bagi melindungi hak pelajar yang menjalani latihan in- tentu yang ia disemak semula.

"Kita juga memerlukan garis panduan bagi melindungi keselamatan sosial dan masa depan pekerja gig," katanya kepada pemberita pada Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2023 Wilayah Utara di Pusat Konvensyen Setia SPICE di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

### Elak eksploitasi tenaga kerja

Sivakumar mengulas cadangan pelbagai pihak termasuk Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) supaya akta khas berkaitan elaun pelajar latihan industri diwujudkan bagi mengelak eksploitasi tenaga kerja dibayar elaun.

Dalam perkembangan lain, Sivakumar memandang serius laporan berhubung isu pekerja asing ditinggalkan dalam keadaan tidak menentu tanpa pekerjaan selepas tiba di negara ini.

Katanya, majikan tidak boleh sesuka hati membawa pekerja asing masuk jika tiada pekerjaan seperti dijanjikan kepada mereka.

"Saya sudah mengarahkan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) memastikan pekerja yang dibawa masuk ke negara ini mempunyai jaminan pekerjaan.

"Tindakan sudah diambil dan kita akan pastikan perkara seperti ini tidak berulang," katanya.

Beliau mengulas isu ratusan pekerja asing mendakwa sudah